

Elak Melayu dijajah lagi: Mahathir

Kesilapan raja, ulama jadi teladan

9 NOV 1991

Oleh MANJA ISMAIL

KUALA LUMPUR, Jumaat — **Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad** hari ini mengingatkan orang Melayu supaya jangan mengulangi kesilapan lalu dengan menyalahgunakan kedudukan, rasuah dan berebut kuasa sesama sendiri sehingga negeri dijajah oleh bangsa asing.

Menurut Presiden Umno, kejatuhan kerajaan Melayu dahulu sehingga rakyat diperhambakan oleh bangsa asing disebabkan Raja-Raja Melayu ketika itu sering berebut takhta, mengutamakan kepentingan golongan bangsawan

UCAPAN PENUH DI MUKA 10, LAGIBERITA DI MUKA 2, 4, 5, 6

(DUA HALAMAN PENUH GAMBAR MUKA 15, 16)

dan menjemput kuasa asing kerana terlalu lemah untuk memerintah secara berkesan.

Sehubungan itu, Perdana Menteri ketika menyampaikan Ucapan Dasar Presiden di Perhimpunan Agung Umno di sini hari ini, berkata orang Melayu, khususnya ahli Umno jangan membiarkan diri mereka diperhambakan sekali lagi dengan mengulangi kesilapan itu.

Beliau iuga berkata, ajaran 'ulama' yang menafsirkan agama semata-mata sebagai persembaan akhirat serta sikap orang Melayu yang menyalahkan takdir, turut menjadi punca kejatuhan mereka.

Apa yang Datuk Seri Dr Mahathir mahu ialah bangsa Melayu sedia mengikut perubahan

zaman supaya negara mempunyai kekuatan sendiri terutama di segi kekayaan dan kemampuan membangunkan negara, sebagai persediaan menghadapi cabaran menjelang abad ke-21.

Dalam hubungan ini, tegas beliau, ahli Umno di semua peringkat mestilah menganggap tugas mereka ke arah pembentukan bangsa Melayu dan Bumiputera abad ke-21 sebagai satu perjuangan atau jihad.

“Ia adalah perjuangan yang mulia yang akan menyelamatkan iman dan agama Islam di kalangan Bumiputera, dan secara tidak langsung orang Islam lain.

“Orang Melayu mampu menebus maruah orang Islam dan menjadi contoh bagi orang Islam lain dan mereka mesti bertanggungjawab terhadap usaha ke arah ini secara serius,” katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, menguta-

makan keuntungan hari ini bagi diri sendiri akan menyebabkan bangsa kerugian besar pada hari esok kerana “jika bangsa sudah menjadi lemah, diri sendiri tidak akan terselamat daripada padahnya.”

Sebaliknya, kata Perdana Menteri, mereka yang bersabar dan sanggup menunggu kebahagiaan daripada keteguhan bangsa kemudian hari, akan memperolehi kebahagiaan bagi diri sendiri secara yang lebih kekal.

“Menerima sedikit rasuah mungkin dianggap perkara ringan. Tetapi percayalah kesan buruk rasuah tidak bergantung kepada kecil atau besar jumlahnya. Jika rasuah dalam pelbagai bentuk sudah menjadi tabiat, lambat-laun bangsa akan lumpuh.

LIHAT MUKA 2

Elak diri daripada rasuah

DARI MUKA 1

“Jika kita ingin menjadi bangsa yang mulia, bermaruah, dan berjaya, elakkanlah diri daripada apa jua jenis rasuah, termasuk penyalahgunaan kuasa mengundi, sogokan wang dan sogokan sokongan.”

“Rasuah adalah kotor dan jijik dan akan membawa kecelaan kepada bangsa, agama dan negara,” tegasnya.

Presiden Umno mahu Bumiputera bekerja lebih kuat daripada bukan Bumiputera jika ingin mengejar mereka kerana

walaupun kerajaan boleh menolong, hanya usaha sendiri yang akan menentukan pencapaian Melayu dan Bumiputera serta penebusan maruah mereka.

“Dengan mengamalkan nilai Islam, dengan kepercayaan bahawa kegagalan orang Islam bukan ditakdirkan, dengan keyakinan bahawa orang Melayu Islam tidak kurang kebolehannya daripada bukan Islam, dengan menolak ajaran tok-tok guru yang berkepentingan, insya-Allah orang Melayu akan berjaya,” ujarnya.